



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ; KEUTAMAAN PERSAUDARAAN ISLAM



ISLAMIC - SAUQUUR - OBEEDIENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"KEUTAMAAN PERSAUDARAAN ISLAM".1

| | |
|--|---|
| <p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَّ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ، وَالْأَرْحَامَ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا ﴿١﴾</p> | 2 |
| <p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p> | 3 |
| <p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p> <p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p> | 4 |
| <p>Mimbar Jumaat pada hari ini menyeru sidang Jumaat sekalian agar sentiasa meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Mudah-mudahan kita semua selamat dari murka dan azab neraka Allah SWT.</p> | 5 |
| <p>Marilah kita menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk "KEUTAMAAN PERSAUDARAAN ISLAM."</p> | 6 |



| | |
|--|---|
| <p>Pendekatan menjaga hubungan, silaturahim, kesepakatan dan perpaduan dalam masyarakat perlu dibuat menerusi amalan memelihara hubungan baik bagi menjamin kehidupan harmoni dan sejahtera. Nabi Muhammad SAW banyak memberi teladan dalam bab menjaga hubungan hingga orang yang membenci Islam juga mengakui keperibadian Baginda dalam melayani mereka ketika menyebarkan ajaran Islam. Menyambung tali persaudaraan sesama Muslim menjadi satu kewajipan buat setiap umat Islam. Apabila tali kasih sayang bertaut, maka hubungan kekeluargaan, persaudaraan serta persahabatan dapat dibina dengan baik.</p> | 7 |
| <p>Islam menekankan kasih sayang dan perdamaian kerana mukmin yang baik sentiasa menjalinkan persaudaraan dan menghidupkan silaturahim seperti sering bertegur sapa, menziarahi individu yang sakit dan kematian, menderma, kunjung-mengunjungi dan memenuhi jemputan. Menyedari kepentingan serta besarnya memperkukuhkan persaudaraan, maka dalam Islam seseorang Muslim itu tidak dikira sempurna imannya apabila dia merosakkan hubungan persaudaraan sesama Islam.</p> | 8 |
| <p>Ukhwah Islamiyah merupakan nikmat dari kekuatan iman dan ketakwaan yang melahirkan perasaan kasih sayang yang mendalam, rasa saling percaya mempercayai dan hormat-menghormati, sesama insan yang terikat dengan akidah Islamiyah. Kesenambungan daripada perasaan ini melahirkan keikhlasan yang tidak berbelah bahagi untuk saling menolong, berkasih sayang, saling memaafkan, setia kawan, penyabar dan sentiasa bersikap mulia. Ini jelas tidak akan ada ukhwah tanpa iman dan takwa dan begitu juga sebaliknya.</p> | 9 |



| | |
|---|----|
| <p>Begitu pentingnya bagi kita menjaga persaudaraan dalam Islam. Malah, Allah menjanjikan ganjaran besar kepada orang-orang yang sentiasa menjaga dan mengutamakan hubungan berkenaan</p> | 10 |
| <p>Hadis daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">وَلَا تَبَاغَضُوا، وَلَا تَدَابَرُوا، وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا...</p> | 11 |
| <p><i>“..dan janganlah saling membenci, dan janganlah memutuskan hubungan persaudaraan (atau berkonspirasi) akan tetapi jadilah kamu semua sebagai hamba Allah yang bersaudara.”</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat al-Bukhari).</i></p> | 12 |
| <p>Pilihanraya Negeri baru sahaja melabuhkan tirainya, rakyat telah menunaikan tanggungjawab memilih dan mengundi calon masing-masing. Keputusan juga telah diketahui, adat bertanding, ada yang menang dan ada yang kalah. Mengambil kesempatan ini khatib ingin mengajak hadirin Jumaat sekalian supaya berlapang dada dengan keputusan tersebut. Eratkan kembali tautan ukhuwah sesama saudara se-Islam, bak kata pepatah ‘air dicincang tidak akan putus’. khatib juga menasihatkan semua jemaah supaya dapat menjaga adab, tatasusila dan saling menghormati antara satu sama lain walaupun kepada mereka yang berbeza ideologi politik dengan kita. Utamakan ukhuwah Islamiah berbanding ketaksuban yang melampau sehingga sanggup mengetepikan hubungan persaudaraan sesama Islam dek kerana perbezaan pandangan dan haluan dalam politik kepartian.</p> | 13 |



Manakah yang lebih utama, mempertahankan hubungan silaturahim dan ukhuwah Islamiyah atau melebih-lebihkan politik yang tidak matang? Seharusnya, mempertahankan persaudaraan Islam itu adalah lebih utama daripada mempertahankan sikap berpolitik yang tidak matang. Bahkan, jika berbeza pegangan akidah sekalipun, hubungan persaudaraan sesama manusia tetap perlu diteruskan dan dipelihara. Inilah keutamaan adab dan akhlak ajaran Islam yang mulia. Jangan pula kita sesama keluarga, sanak saudara dan jiran tetangga jadi porak peranda kerana sikap dan pendirian politik yang berbeza.

14

Politik sebenarnya adalah indah dan cantik, tetapi telah dicatitkan oleh individu-individu tertentu maka kelihatanlah jijik, kerana menghancurkan persaudaraan, menghilangkan adab dan akhlak yang baik bahkan mencetuskan gejala fitnah dan tipu daya.

15

Umat Islam diajar berlapang dada dan belajar menerima kenyataan dalam semua perkara termasuklah berpolitik yang mana ianya tidak boleh terlalu berlebihan hingga lupa adab sebagai seorang Muslim. Perbezaan pendapat lumrah dalam kehidupan kerana Allah SWT menciptakan manusia dengan akal fikiran berbeza. Dalam menangani perbezaan pendapat ini, perkara utama perlu dilakukan adalah meraikan perbezaan pendapat atau pandangan orang lain dengan adab utama atau sikap tasamuh, iaitu berlapang dada.

16

Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 13:

فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاصْفَحْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

17



"Maka maafkanlah mereka dan lapangkanlah dada kerana sesungguhnya Allah mencintai orang-orang yang melakukan kebaikan."

18

Jangan kita membenci sesuatu pihak atas kekalahan tetapi tetap menjaga persaudaraan Islam sepanjang masa kerana banyak faedah dan ganjaran dijanjikan Allah SWT.

Abdullah bin Salam Radiallahuanhu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

19

يَا أَيُّهَا النَّاسُ! أَفْشُوا السَّلَامَ، وَأَطْعِمُوا الطَّعَامَ، وَصَلُّوا الْأَرْحَامَ،
وَصَلُّوا بِاللَّيْلِ وَالنَّاسُ نِيَامٌ، تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ بِسَلَامٍ

"Wahai sekalian manusia! Sebarkanlah salam, berikanlah makanan, jalin silaturahmi, dan solatlah pada malam hari ketika orang lain tengah tidur. Maka kalian semua akan masuk surga dengan selamat."

20

(Riwayat Ibnu Majah).

Pemerintah ada akhlak yang perlu dicontohi, rakyat juga ada akhlak yang perlu dilazimi. Akhlak yang utama ialah memelihara persaudaraan Islam. Sejauh mana pun kita berbeza, adab dan akhlak akan menyatukan kita. Itulah tujuan utama Nabi SAW dibangkitkan. Hilang pengikut sesebuah parti, pengikut boleh dicari. Namun, putus hubungan silaturahmi dan persaudaraan Islam, ia akan hilang dan tidak mungkin dapat diganti.

21



Hadis daripada Abu Bakrah Radiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ ذَنْبٍ أَجْدَرُ أَنْ يُعَجَّلَ اللَّهُ تَعَالَى لِصَاحِبِهِ الْعُقُوبَةَ فِي الدُّنْيَا - مَعَ مَا يَدْخِرُ لَهُ فِي الْآخِرَةِ - مِثْلُ الْبَغْيِ وَقَطِيعَةِ الرَّحِمِ

22

"Tidak ada dosa yang lebih pantas disegerakan balasannya bagi para pelakunya di dunia bersama dosa yang disimpan untuknya di akhirat; daripada perbuatan zalim dan memutus silaturahmi."

(Riwayat Abu Daud).

23

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa inti pati khutbah sebagai panduan kita bersama iaitu:

1. Umat Islam hendaklah mengetahui bahawa menjaga hubungan persaudaraan Islam adalah perkara yang sangat dituntut dan salah satu daripada cabang iman.
2. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa orang yang sentiasa menjaga persaudaraan Islam diberikan kelebihan dan keutamaan di sisi Allah SWT.
3. Umat Islam hendaklah mengambil pengajaran bahawa orang yang memutuskan hubungan persaudaraan Islam tidak akan masuk ke dalam syurga.

24

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

25



"Orang-orang beriman itu sesungguhnya bersaudara. Sebab itu damaikanlah (perbaikilah hubungan) antara kedua saudaramu itu dan takutlah terhadap Allah, supaya kamu mendapat rahmat".

26

(Al-Hujurat : 10).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



KHUTBAH KEDUA

| | |
|---|---|
| 1 | الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، |
| 2 | وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. |
| 3 | أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. |
| 4 | Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat. |
| 5 | إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾ |
| 6 | اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. |
| 7 | اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. |
| 8 | اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ. |
| 9 | اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَائِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، |



| | |
|--|----|
| جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. | 10 |
| اللَّهُمَّ أَيْمَ الْعَوْنِ وَالْهِدَايَةِ وَالتَّوْفِيقِ، وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُورِ، تَغْكُو أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، | 11 |
| فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظِفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ. | 12 |
| Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE). | 16 |
| Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah. | 17 |



| | |
|--|----|
| <p>Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p> | 18 |
| <p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفِّكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p> | 19 |
| <p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾</p> | 20 |
| <p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٢٠٢﴾</p> | 21 |
| <p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p> | 22 |